



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM

# eBulletin



BIL. 1/2024 JANUARI - MAC



## SIMPOSIUM 50 TAHUN (JUBLI EMAS) AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974: CABARAN MENDEPANI ISU SEMASA ALAM SEKITAR



JABATAN ALAM SEKITAR

E - ISSN 2710-5644

BIL. 1 TAHUN 2024  
JANUARI - MAC



*Kumpulan  
Editorial*



**PENASIHAT**

Hajah Mashitah  
binti Darus



**KETUA EDITOR**

Hajah Azuri  
Azizah binti Haji  
Saedon



**TIMBALAN  
KETUA EDITOR**

Zuraini binti  
Siam



**EDITOR**

Ts. Ir. Shazana  
binti Mohd  
Ibrahim



**PENOLONG  
EDITOR**

Zainirul Ailis  
binti Mustafa

**PRAKATA KETUA PENGARAH JAS 4**

ARTIKEL

6-9

**JANUARI 2024**

LAWATAN KERJA KE FASILITI INOVASI KITAR SEMULA, PUTRAJAYA	10
PROGRAM BICARA INTELEK (EKSPLOKORASI DIGITAL) SIRI 1/ 2024	11
MESYUARAT STATUS TERKINI DRAF PELAN INDUK UDARA BERSIH KEBANGSAAN KE ARAH LANGIT BIRU	12
PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN ALAM SEKITAR (JAS), PENYERAHAN DAN PELEPASAN (FLAG OFF) 38 UNIT KENDERAAN BAHARU	13
PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)	14-15
MAJLIS PELANCARAN IGM 2023	25
KUNJUNGAN HORMAT EXCO KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA, NEGERI PULAU PINANG	16
MESYUARAT AWAL PENYELARASAN GERAK KERJA HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN	17

**FEBRUARI 2024**

BENGKEL HANDS-ON PEMATUHAN PROSEDUR PEMROSESAN EIA DALAM SISTEM APLIKASI ENVIRONMENTAL SPATIAL DATA REPOSITORY (ESDR) DAN SISTEM ELEKTRONIK KAWALAN ALAM SEKITAR (E-KAS) BAGI PEGAWAI JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)	18-19
SESI PENDAFTARAN IDENTITI DIGITAL MALAYSIA (MYDIGITAL ID) DI JABATAN ALAM SEKITAR	20
LAWATAN POST-NAIK TARAF PERPUSTAKAAN JAS NEGERI SABAH OLEH BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK, IBU PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR	21
MESYUARAT PENYELARASAN PENGUATKUASAAN WILDLIFE MANAGEMENT PLAN (WMP) BERSAMA PIHAK JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA	22-23
LAWATAN POST-NAIK TARAF PERPUSTAKAAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL) OLEH BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK, IBU PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR	24
LIBAT URUS PINDAAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 SIRI 1/2024	25
LAWATAN TEKNIKAL KE PROJEK PERLOMBONGAN RARE EARTH ELEMENT (REE) DI MUKIM KENERING, DAERAH HULU PERAK, PERAK	26-27

**FEBRUARI 2024**

LAWATAN PENANDA ARAS BAGI PEMANTAUAN DAN PEMATUHAN TERHADAP PERUNDANGAN DI BAWAH JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) BERSAMA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)	28
BENKEL MEMPERKASA ANALISA DATA GEOSPATIAL DALAM PENGURUSAN ALAM SEKITAR & MAJLIS APRESIASI GEOSPATIAL 2024	29
BENKEL RMK-12: PENGGUBALAN PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (AKTIVITI YANG DITETAPKAN) (LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 20XX	30
SIMPOSIUM 50 TAHUN (JUBLI EMAS) AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974: CABARAN MENDEPANI ISU SEMASA ALAM SEKITAR	31-32
FORUM PREVENTING AND COMBATTING TRAFFIC IN HAZARDOUS AND OTHER WASTES: REGIONAL AND NATIONAL EXPERIENCES	33

**MAC 2024**

MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR BIL. 1/2024	34
KURSUS PEMANTAPAN 'CONTENT CREATOR' BAGI SUB PORTAL ENVIRO DIGITAL LIBRARY	35-36
MESYUARAT PERLAKSANAAN KIGALI IMPLEMENTATION PLAN (KIP) DI BAWAH PROTOCOL MONTREAL BERSAMA WORLD BANK	37
PERASMIAN SCHEDULED WASTE TO ENERGY (SWTE)	38
SYARIKAT J&T BERJAYA ALAM MURNI SDN BHD DI BUKIT TAGAR, SELANGOR	39
WEBINAR PENGURUSAN KUALITI AIR SUNGAI DI MALAYSIA SEMENA HARI AIR SEDUNIA 2024	39-40
MESYUARAT MENTERI-MENTERI ALAM SEKITAR DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI ALAM SEKITAR (MEXCOE) BIL. 1/2024	41-43

**HEBAHAN KOLEKSI BUKU PERPUSTAKAAN EIMAS DAN IBU PEJABAT JAS**

44-50

**WORD SEARCH**

51



## PRAKATA KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR



### *Assalamualaikum wbt*

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya eBuletin JAS Bilangan 1/2024 telah berjaya diterbitkan.

Permulaan tahun 2024 bagi Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah amat penting dan bermakna kerana pelbagai perancangan dan strategi telah dibincangkan dan diselaraskan pada suku tahunan keempat 2023 yang harus dilaksanakan sepanjang tahun 2024. Antara strategi yang telah JAS laksanakan pada awal tahun 2024 ialah melalui penetapan sasaran KPI dalam pelaksanaan program tahunan termasuk perancangan program penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Amanat Tahun Baharu 2024.

Pelbagai kejayaan telah dicapai dan direkodkan JAS sepanjang tahun 2023. Saya menyeru semua Warga JAS untuk meneruskan kecemerlangan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat khususnya dalam aspek kelestarian alam sekitar. JAS jua akan terus melaksanakan program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) berkaitan alam sekitar.

Di awal tahun 2024, beberapa aktiviti penting telah dilaksanakan. Antaranya pelancaran Kad Kuasa Baharu JAS yang mempunyai ciri-ciri keselamatan dalam memastikan setiap pegawai penguatkuasa dibekalkan dengan Kad Kuasa sebagai identiti unik dalam melaksanakan kerja-kerja penguatkuasaan AKAS 1974. JAS jua telah membuat perolehan Kenderaan Baharu Jabatan dalam usaha membekalkan kemudahan logistik kepada pegawai dalam melancarkan pelaksanaan kerja-kerja penguatkuasaan. Hal ini disimbolkan melalui satu Majlis *Flag Off* Kenderaan Baharu Penguatkuasa. JAS jua meneruskan kerjasama padu dengan Pihak Berkepentingan dan Agensi Kerajaan antaranya dengan pihak PUSPAKOM melalui MOU.



## PRAKATA KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR

Sejajar dengan tugas dan tanggungjawab sebagai salah sebuah Agensi Penguatkuasa Persekutuan berkaitan alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar telah mendokong Amanah dan Tanggungjawab sejak 1974 apabila Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 [Akta 127] mula dikuatkuasakan pada tahun 1975. Justeru itu, tahun 2024 ini adalah tahun dimana Akta 127 ini mengjangkau usia 50 tahun pemakaiannya di Malaysia. JAS akan terus mengorak langkah dalam memastikan peranan dan fungsi Jabatan dapat dilaksanakan sebaiknya.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2024 kepada semua warga JAS. Bersempena tahun baharu ini akan membuka lembaran baru untuk kita mencapai dan menumpukan perhatian yang lebih cemerlang untuk tahun 2024. Jadi, saya menyeru kepada seluruh warga JAS untuk memberikan komitmen yang tinggi dan bersama-sama melaksanakan Amanah yang telah dipertanggungjawabkan. InsyaAllah, kita sama-sama memohon kepada Allah SWT untuk mempermudah segala urusan kita bagi mencapai kejayaan bagi tahun 2024.

Selamat maju jaya.

*"Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"*

**DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR**  
Ketua Pengarah Alam Sekitar

## **KELEMAHAN ASPEK TEKNIKAL DALAM KAJIAN EIA DAN PENULISAN LAPORAN EIA DI MALAYSIA**

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment – EIA) adalah satu kajian dan elemen yang sangat penting dalam mengenalpasti dan menilai impak suatu aktiviti atau projek pembangunan ke atas alam sekeliling. Melalui hasil kajian impak inilah yang akan menentukan langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang boleh diaplikasikan dan sesuai dilaksanakan oleh Penggerak Projek bagi menghapuskan atau mengurangkan kesan pencemaran ke alam sekeliling disebabkan oleh pelaksanaan projek, selaras dengan objektif dan matlamat penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di Malaysia.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam menilai dan meluluskan Laporan EIA telah mengeluarkan garis panduan “Environmental Impact Assessment Guideline in Malaysia (EGIM, 2016)” dan garis panduan EIA spesifik mengikut jenis aktiviti bagi menggariskan perkara-perkara penting merangkumi aspek format, isi kandungan, teknikal dan lain-lain yang perlu dimasukkan dalam skop kajian dan diterjemahkan dalam Laporan EIA yang dikemukakan kepada JAS untuk penilaian.

Berdasarkan Laporan Tahunan JAS tahun 2017 hingga 2021, kadar peratusan Laporan EIA yang tidak diluluskan oleh JAS adalah pada julat 60% hingga 70% dan daripada jumlah Laporan EIA yang tidak diluluskan berkenaan, sebanyak lebih 90% daripadanya tidak diluluskan kerana kekurangan dan kelemahan dalam aspek teknikal yang mengkehendaki Jururunding EIA untuk mengemaskini dan melengkapkan Laporan EIA sebelum boleh dipertimbangkan untuk kelulusan. Laporan EIA hanya boleh diluluskan setelah memenuhi keperluan di bawah Seksyen 34A(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 iaitu hendaklah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar (KPAS) dan langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah, mengurangkan atau mengawal kesan-kesan yang merugikan kepada alam sekitar adalah mencukupi.

## **KELEMAHAN ASPEK TEKNIKAL DALAM KAJIAN EIA DAN PENULISAN LAPORAN EIA DI MALAYSIA**

Kekurangan dan kelemahan aspek teknikal dalam suatu Laporan EIA merupakan punca utama Laporan EIA tidak diluluskan dan isu ini adalah berkaitrapat dengan kelayakan dan kepakaran teknikal Jururunding EIA yang dilantik oleh Penggerak Projek. Berdasarkan pengalaman Penulis yang terlibat dalam pemprosesan dan penilaian Laporan EIA sepanjang tempoh berkhidmat selama sepuluh (10) tahun dengan JAS, kekurangan kepakaran teknikal yang dimiliki oleh Jururunding EIA adalah faktor utama yang menyebabkan kelemahan aspek teknikal dalam suatu Laporan EIA. Bagi memastikan kepakaran teknikal yang mencukupi di kalangan Jururunding EIA, individu tersebut hendaklah mempunyai inisiatif untuk mendapatkan maklumat, data dan pengetahuan teknikal terperinci melalui kaedah penyelidikan (research) atau kajian literatur (literature review). Jururunding EIA juga hendaklah memastikan kaedah penilaian impak dibuat menggunakan dua (2) kaedah utama iaitu secara kualitatif dan secara kuantitatif. Walau bagaimanapun, kedua-dua kaedah penilaian impak ini tidak dapat dibuat dengan terperinci sekiranya maklumat, data dan pengetahuan teknikal Jururunding EIA tidak mencukupi.

Aspek pengumpulan maklumat dan data teknikal yang diperlukan adalah elemen penting yang perlu ditekankan dalam pelaksanaan kajian dan penyediaan Laporan EIA. Jururunding EIA hendaklah memastikan maklumat dan data terperinci mengenai projek, aktiviti projek dan proses pengeluaran (jika ada) perlu dinyatakan dengan jelas dalam Laporan EIA dan juga data garis dasar (baseline data) di kawasan zon kajian (Zone of Study – ZoS) yang telah ditentukan bergantung kepada saiz, tahap sensitiviti (sensitivity) dan kerumitan (complexity) suatu projek. Melalui maklumat dan data yang dikumpulkan inilah yang akan membantu Jururunding EIA untuk menjalankan penilaian impak dan kesan pelaksanaan projek ke atas alam sekeliling dengan lebih tepat serta terperinci dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang bersesuaian dan berkesan.

## **KELEMAHAN ASPEK TEKNIKAL DALAM KAJIAN EIA DAN PENULISAN LAPORAN EIA DI MALAYSIA**

Secara dasarnya, Jururunding EIA hendaklah menjalankan penilaian impak secara kualitatif terlebih dahulu bagi mendapatkan gambaran keseluruhan potensi impak pencemaran ke alam sekeliling dan kesan pencemaran dari sudut subjektif (subjective point-of-view) yang mana bergantung kepada kepakaran, pengalaman dan kajian literatur atau penyelidikan yang dibuat oleh Jururunding EIA atau Pakar Subjek (Subject Specialist). Dalam hal ini, matriks penilaian (assessment matrix) hendaklah disediakan seperti contoh dalam garis panduan EGIM bagi membantu Jururunding EIA menjalankan penilaian impak di peringkat yang seterusnya. Pada peringkat ini, magnitud impak pencemaran masih belum dapat diukur dengan tepat, tetapi akan menjadi indikator untuk membantu Jururunding EIA menentukan sama ada terdapat keperluan untuk penilaian impak secara kuantitatif dijalankan (objective point-of-view). Walau bagaimanapun, berdasarkan pengalaman Penulis, masih terdapat Jururunding EIA di Malaysia yang tidak dapat membezakan antara penilaian impak secara kualitatif dengan penilaian impak secara kuantitatif dan akhirnya tidak dapat mengenalpasti impak pencemaran yang perlu dinilai secara kuantitatif dan terperinci bagi membolehkan kesan pencemaran di alam sekeliling terutamanya di kawasan sensitif alam sekitar dan di kawasan zon impak (zone of impact - Zol) dapat diukur dan dianggarkan dengan tepat.

Kaedah yang betul adalah Jururunding EIA sepatutnya memastikan impak pencemaran yang berpotensi dan dijangkakan memberi kesan yang signifikan ke alam sekeliling hendaklah dinilai secara kuantitatif dan dinilai secara terperinci (detailed assessment) bagi membolehkan tahap pencemaran yang tepat dapat diukur serta ditentukan yang seterusnya akan digunakan bagi menentukan sistem atau teknologi kawalan pencemaran yang mempunyai kecekapan untuk membendung tahap pencemaran yang telah diukur atau dianggarkan. Berdasarkan pengalaman Penulis, penilaian secara kuantitatif dan penilaian terperinci tidak dijalankan kerana kurangnya inisiatif daripada Jururunding EIA mendapatkan maklumat dan data teknikal yang diperlukan untuk membuat pengiraan atau kesukaran Jururunding EIA mendapatkan maklumat teknikal dari segi keupayaan peralatan dan proses yang terlibat daripada Penggerak Projek atau Penyedia Teknologi. Selain itu, terdapat juga kes di mana Jururunding EIA menggunakan rujukan dan data yang tidak tepat atau tidak relevan semasa membuat pengiraan dan penilaian impak secara kuantitatif. Implikasinya, magnitud impak pencemaran tidak diukur dan dinilai dengan tepat yang akhirnya boleh menyebabkan langkah-langkah kawalan yang dicadangkan tidak berkesan.

## **KELEMAHAN ASPEK TEKNIKAL DALAM KAJIAN EIA DAN PENULISAN LAPORAN EIA DI MALAYSIA**

Penilaian impak secara kuantitatif yang mana dijalankan melalui kaedah pengiraan dan pengukuran yang tepat adalah sangat penting bagi menentukan sama ada penilaian impak secara terperinci (detailed impact assessment) perlu dijalankan ataupun tidak. Salah satu contoh tools yang digunakan untuk penilaian terperinci adalah melalui kaedah pemodelan kualiti alam sekitar (environmental quality modelling) seperti pemodelan kualiti air sungai, udara, marin dan lain-lain yang mana data yang telah dikira dalam penilaian yang dibuat secara kuantitatif akan digunakan sebagai input data kepada model yang dibangunkan. Melalui kaedah pemodelan ini, tahap pencemaran dapat dianggarkan dengan lebih tepat dan yang paling penting dapat dibandingkan dengan standard ambien yang dikeluarkan oleh JAS dan agensi teknikal yang lain. Sebagai contoh, sekiranya berdasarkan pemodelan kualiti air sungai, pelaksanaan suatu projek itu dijangkakan menyebabkan kualiti air sungai merosot daripada Kelas I kepada kelas IV, maka langkah kawalan dan pencegahan yang berkesan hendaklah diaplikasi bagi memastikan impak pencemaran dapat dikurangkan dan tahap kualiti air sungai dapat dikekalkan dalam Kelas I atau sekurang-kurangnya mengikut kelas kegunaan sungai berkenaan (beneficial use). Walau bagaimanapun, mengikut pengalaman Penulis, situasi di Malaysia pada masa ini, tidak ramai Jururunding EIA atau Pakar Subjek yang mempunyai kepakaran menggunakan tools yang bersesuaian untuk menjalankan penilaian impak secara terperinci.

Atas sebab-sebab yang dinyatakan inilah yang menyumbang kepada kekurangan dan kelemahan aspek teknikal dalam kajian dan penulisan Laporan EIA. Dalam hal ini, Penulis ingin menyarankan kepada semua Jururunding EIA untuk sentiasa meningkatkan pengetahuan teknikal melalui "Continuous Professional Development (CPD)" dan meningkatkan kualiti kajian dengan lebih pro-aktif dan mengambil inisiatif untuk membuat kajian literatur dan penyelidikan yang cukup dalam suatu bidang yang dikaji dan memastikan maklumat serta data teknikal yang lengkap diperolehi sebelum penilaian impak dijalankan. Pada pandangan Penulis, kajian dan Laporan EIA ini merupakan dokumen teknikal dan tiada bezanya dengan dokumen tesis teknikal yang disediakan oleh para ilmuan di Pusat Pengajian Tinggi yang mana perlu mempunyai tahap kualiti dan standard yang sama.

**Rujukan : Penerbitan JAS**

**MOHD FAUZI BIN MAHMUD**

**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SABAH**

**LAWATAN KERJA KE FASILITI INOVASI KITAR SEMULA, PUTRAJAYA**

**8 JANUARI 2024, PUTRAJAYA** - Bahagian Komunikasi Strategik, Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengadakan lawatan kerja ke Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS) Putrajaya. Lawatan kerja yang diterajui oleh Pengarah Komunikasi Strategik JAS, Puan Hajah Azuri Azidah binti Haji Saedon ini adalah sebahagian daripada usaha memperkasa jalinan kerjasama antara Jabatan dan Malakoff Cooperation Berhad di samping meningkatkan pengetahuan dan komitmen pegawai JAS dalam membudayakan gaya hidup lestari.

FIKS Putrajaya ini adalah di bawah seliaan Alam Flora Sdn Bhd & Alam Flora Environmental Solution. Fasiliti ini adalah salah satu inisiatif Malakoff dalam memberi peluang kepada semua pihak berkepentingan untuk mempelajari, meningkatkan kesedaran serta membudayakan amalan kitar semula. FIKS Putrajaya merupakan pusat pendidikan kitar semula untuk orang ramai mempelajari proses kitar semula, pemulihan dan rawatan sisa. Ianya bertujuan menggalakkan amalan 3R (mengurangkan, mengguna semula dan mengitar semula) di kalangan rakyat Malaysia, selain membantu mengurangkan sisa yang boleh dikitar semula daripada dihantar terus ke tapak pelupusan sampah.



**PROGRAM BICARA INTELEK (EKSPLOKORASI DIGITAL) SIRI 1/ 2024**

**11 HINGGA 12 JANUARI 2024, PUTRAJAYA** – Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui Perpustakaan Enviro@JAS telah mengadakan Program Bicara Intelek (Eksplorasi Digital) Siri 1/2024 sebagai pembuka program perpustakaan JAS tahun 2024.


Program ini merupakan program memperkenalkan koleksi elektronik (buku elektronik dan jurnal elektronik) yang disediakan kepada warga jabatan untuk mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan melalui pelbagai medium informasi elektronik bagi memudahkan pengguna Perpustakaan JAS menyokong pembelajaran sepanjang hayat.

Program ini telah dilaksanakan selama dua (2) hari bermula 11 hingga 12 Januari 2024. Ucapan aluan telah disampaikan oleh YBrs. Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, JAS. Seramai 84 orang peserta terdiri daripada warga JAS Ibu Pejabat dan seluruh JAS Negeri telah bersama-sama mengikuti program ini.

Perpustakaan JAS telah menyediakan 210 judul buku elektronik yang boleh diakses melalui Portal Proquest dan langganan kepada jurnal elektronik iaitu ACS dan Springer Nature dalam empat (4) bidang subjek iaitu Nature Geoscience, Nature Climate Change, Nature Sustainability, Nature Reviews & Environments.

Antara penceramah terlibat adalah Puan Bismayazan binti Abu Bakar dari Syarikat Access Dunia, Puan Kurniji dari Proquest dan fasilitator dalaman JAS iaitu Puan Wan Na'ima binti Wan Nawang (Pustakawan JAS) dan Puan Nur Aina binti Abdul Manan (Penolong Pustakawan JAS).

Moderator program adalah Puan Zuraini binti Siam dan Puan Farah Nadiah binti Mohd Noor. Setinggi-tinggi tahniah kepada pemenang Kuiz Eksplorasi Digital dan terima kasih kepada semua peserta yang telah bersama-sama menjayakan program Perpustakaan Enviro Digital@JAS.



## MESYUARAT STATUS TERKINI DRAF PELAN INDUK UDARA BERSIH KEBANGSAAN KE ARAH LANGIT BIRU



**19 JANUARI 2024, PUTRAJAYA** - Bahagian Udara, Jabatan Alam Sekitar telah mengadakan mesyuarat berhubung status terkini draf Pelan Induk Udara Bersih Kebangsaan ke Arah Langit Biru.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Alam Sekitar iaitu YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari turut dihadiri oleh ahli gerak kerja kumpulan (task force) yang terdiri daripada pegawai JAS Negeri dan Ibu Pejabat serta pakar kualiti udara yang telah dilantik iaitu Prof. Dr. Talib bin Latif untuk memberikan input penambahbaikan ke atas pembentangan draf Pelan Induk tersebut oleh pasukan perunding AMR Environmental Sdn. Bhd. Pelaksanaan Pelan ini adalah untuk meningkatkan lagi kualiti udara di Malaysia dengan kerjasama JAS dan juga agensi-agensi yang bertanggungjawab untuk tempoh 2024-2030.



## PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN ALAM SEKITAR (JAS), PENYERAHAN DAN PELEPASAN (*FLAG OFF*) 38 UNIT KENDERAAN BAHARU

**23 JANUARI 2024, PUTRAJAYA** - YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar (KPAS) telah menyerahkan dan membuat pelepasan (*Flag Off*) 38 unit kenderaan baharu Jabatan Alam Sekitar (JAS) semasa Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 1 Tahun 2024 Jabatan Alam Sekitar.

Perolehan kenderaan ini telah dibuat pada tahun 2023 di bawah peruntukan P10 (Kementerian Kewangan), dengan sasaran untuk memperbaharui, meningkatkan dan memperkasakan imej pasukan Unit Kenderaan Bermotor (UKB) JAS di seluruh Malaysia. Penambahan kenderaan baharu ini adalah seiring dengan imej agensi penguatkuasaan yang lain semasa menjalankan operasi di jalan raya. Kenderaan baharu untuk pasukan UKB ini telah dilengkapi dengan aksesori tambahan iaitu *High Roof Canopy*, *Drawer System* dan *Light Bar* bagi memudahkan pasukan UKB melaksanakan tugas rasmi dilapangan.



Turut hadir bersama dalam sesi penyerahan dan pelepasan kenderaan ini adalah YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Pengarah-Pengarah Bahagian JAS Putrajaya, Pengarah EiMAS dan juga Pengarah-Pengarah JAS Negeri.



## PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)

**23 JANUARI 2024, PUTRAJAYA** - YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar hari ini telah menyempurnakan Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 1 Tahun 2024 Jabatan Alam Sekitar.

Majlis Perhimpunan Bulanan ini merupakan kali pertama diadakan selepas penstrukturan semula Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) kepada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). YBhg. Dato' KPAS menerusi amanat beliau menyeru kepada seluruh warga JAS supaya sentiasa komited dan melihat daripada dimensi yang berbeza berhubung tugas serta bersedia menongkah arus yang lebih besar untuk bersaing dalam memberikan yang terbaik kepada Jabatan dan Negara.

Pada majlis hari ini YBhg. Dato' KPAS bersama-sama warga JAS turut menyaksikan video imbasan kejayaan dan aktiviti JAS sepanjang tahun 2023.

Antara lain perhimpunan kali ini turut menyaksikan:

- ✓ Pelancaran logo 50 tahun Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;
- ✓ Penyerahan dan pelepasan flag off 38 unit kenderaan baharu Jabatan;
- ✓ Pelancaran bahan pameran interaktif dalam bentuk *Content virtual Reality (VR)* atau *Augmented Reality (AR)*;
- ✓ Pelancaran Vest Penguatkuasaan Baru;
- ✓ Penjenamaan semula rebranding kad kuasa baharu JAS; dan
- ✓ Pelancaran Buku Koleksi Pantun Alam Sekitar (Terbitan JAS).

Turut hadir bersama di dalam perhimpunan ini YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah EIMAS dan juga Pengarah-Pengarah Negeri.



# KOLEKSI GAMBAR SEMASA PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)



## KUNJUNGAN HORMAT EXCO KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA, NEGERI PULAU PINANG



**23 JANUARI 2024, PUTRAJAYA** - Kunjungan hormat Yang Berhormat H'ng Mooi Lye, Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Negeri Pulau Pinang ke atas YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Alam Sekitar telah diadakan di pejabatnya di Putrajaya.

Kunjungan hormat beliau ini bertujuan mendapatkan pandangan pihak Jabatan Alam Sekitar mengenai cadangan projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan serta isu-isu pencemaran yang memerlukan perhatian dan tindakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Beliau juga turut menyatakan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mematuhi sebarang keperluan dan peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 demi memastikan pembangunan di Pulau Pinang dilaksanakan secara lestari.



## MESYUARAT AWAL PENYELARASAN GERAK KERJA HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN



**24 JANUARI 2024, PUTRAJAYA** - Puan Hajah Azuri Azidah binti Haji Saedon, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mempengerusikan mesyuarat awal bagi penyelarasan HASN 2024 Peringkat Kebangsaan.

Turut sama hadir adalah Puan Sharifah Zakiah binti Syed Sahab, Pengarah JAS Negeri Kedah, Puan Farah Effa binti Daud, wakil dari Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan pegawai-pegawai kanan JAS Ibu Pejabat dan Negeri Kedah. Mesyuarat antara lain membincangkan perkara-perkara dasar bagi penganjuran HASN 2024 dalam memastikan penganjuran HASN 2024 adalah selari dengan naratif yang ingin diangkat oleh pihak kementerian dan jabatan.



## **BENKEL HANDS-ON PEMATUHAN PROSEDUR PEMROSESAN EIA DALAM SISTEM APLIKASI ENVIRONMENTAL SPATIAL DATA REPOSITORY (ESDR) DAN SISTEM ELEKTRONIK KAWALAN ALAM SEKITAR (E-KAS) BAGI PEGAWAI JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)**



**6 FEBRUARI 2024, PUTRAJAYA** - Bahagian Penilaian dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Alam Sekitar telah mengadakan Bengkel Hands-on Pematuhan Prosedur Pemprosesan EIA dalam sistem aplikasi melalui sistem ESDR dan e-KAS bertempat di Bilik ICT, Jabatan Alam Sekitar Putrajaya.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 50 orang Pegawai Penilai EIA dan Penolong Pegawai Penilai daripada Bahagian Penilaian dan Bahagian Teknologi Maklumat JAS Ibu Pejabat serta JAS Negeri seluruh Malaysia.


Bengkel ini bertujuan untuk mengukuhkan pemahaman pegawai – pegawai JAS khususnya yang terlibat dalam penilaian Laporan EIA berkenaan pematuhan kepada Prosedur Kualiti Pemrosesan Laporan EIA menggunakan sistem ESDR dan sistem e-KAS. Ketepatan maklumat atau data dalam kedua-dua sistem repositori data EIA ini perlu bagi membolehkan penganalisisan maklumat seperti pencapaian pematuhan piagam pelanggan dapat dilakukan bagi mencapai objektif kualiti MS ISO 9001: 2015 yang telah ditetapkan. Bengkel ini juga turut dilaksana untuk mendapatkan input awal berhubung dengan isu-isu yang dihadapi oleh pegawai penilai semasa penggunaan sistem aplikasi tersebut dalam pemrosesan EIA.



Taklimat oleh Seksyen GIS berkaitan isu – isu pemrosesan TOR dan EIA dalam Sistem ESDR



Taklimat oleh Bahagian Penilaian berkaitan pematuhan prosedur pemrosesan EIA



Taklimat oleh Bahagian Teknologi Maklumat berkaitan isu modul pemrosesan EIA dalam sistem eKAS



Peserta bengkel sedang melaksanakan sesi hands – on

Beberapa resolusi penting telah dicapai bagi penyelarasan kaedah yang akan dilaksanakan oleh semua pegawai penilai EIA di seluruh Malaysia. Bengkel ini telah berjaya dilaksanakan dan hasil daripada bengkel ini menunjukkan peningkatan kualiti data yang dimasukkan ke dalam sistem dan sekaligus telah mengurangkan masalah berkaitan pencerapan data.

## SESI PENDAFTARAN IDENTITI DIGITAL MALAYSIA (MYDIGITAL ID) DI JABATAN ALAM SEKITAR

**13 FEBRUARI 2024, PUTRAJAYA** - Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya dengan Kerjasama MIMOS Berhad telah mengadakan Sesi Pendaftaran Identiti Digital Malaysia (MyDigital ID) bagi warga Jabatan Alam Sekitar (JAS) bertempat di hadapan Bilik Mesyuarat Cempaka, Aras 3, Jabatan Alam Sekitar Putrajaya. Sesi pendaftaran ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar. Sebanyak 793 pendaftaran MyDigital ID telah berjaya dibuat semasa sesi pendaftaran ini.

MyDigital ID adalah sistem pengesahan pengenalan diri secara digital yang diwujudkan untuk keselamatan dan kecekapan urusan dalam talian yang merupakan salah satu inisiatif utama dibawah Pelan Tindakan MyDigital.

MyDigital ID ini bertujuan memperkasakan Kerajaan digital pintar berteraskan data serta mendukung pertumbuhan ekonomi digital Malaysia ke arah menjadi negara maju berpendapatan tinggi.



## LAWATAN POST-NAIK TARAF PERPUSTAKAAN JAS NEGERI SABAH OLEH BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK, IBU PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR



**15 FEBRUARI 2024, KOTA KINABALU** – JAS Negeri Sabah telah menerima lawatan daripada Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik JAS Ibu Pejabat, YBrs. Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon serta Puan Zuraini binti Siam, Ketua Seksyen Penerbitan & Perpustakaan dan Puan Wan Na'ima binti Wan Nawang, Pustakawan JAS.



Majlis dimulakan dengan kata aluan daripada Pengarah JAS Sabah dan disusuli dengan amanat daripada Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik JAS Ibu Pejabat. Sesi taklimat mengenai pengurusan perpustakaan & Eksplorasi Digital Perpustakaan JAS telah disampaikan oleh Puan Zuraini binti Siam & Pustakawan Puan Wan Na'ima binti Wan Nawang.



Lawatan ini juga bertujuan untuk melihat dan menyediakan pelaporan hasil naik taraf Perpustakaan Enviro Digital @ JAS Sabah yang memfokuskan kepada perkhidmatan maklumat pendigitalan.



JAS Sabah merakamkan ucapan terima kasih di atas lawatan ini yang disifatkan komitmen pihak pengurusan tertinggi JAS dalam memastikan hala tuju naiktaraf perpustakaan ini jelas dan memberi manfaat kepada seluruh warga JAS dan juga orang awam.

# MESYUARAT PENYELARASAN PENGUATKUASAAN WILDLIFE MANAGEMENT PLAN (WMP) BERSAMA PIHAK JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA

**15 FEBRUARI 2024, PUTRAJAYA** – Seksyen Penguatkuasaan EIA, Bahagian Penilaian telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Penguatkuasaan Wildlife Management Plan (WMP) bersama pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia pada 15 Februari 2024 bertempat di Bilik Cempaka, Jabatan Alam Sekitar. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar dan turut dihadiri bersama YBhg. Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim, Ketua Pengarah PERHILITAN. Mesyuarat ini melibatkan pegawai-pegawai daripada Bahagian Penilaian JAS Ibu Pejabat, Bahagian Penguatkuasaan JAS Ibu Pejabat manakala pihak PERHILITAN pula dihadiri oleh Bahagian Konservasi Hidupan Liar dan Bahagian Penguatkuasaan PERHILITAN.



YBhg. Dato' Ketua Pengarah PERHILITAN menandatangani buku pelawat



Pegawai-pegawai JAS dan PERHILITAN yang hadir mesyuarat

Mesyuarat ini diadakan susulan daripada isu yang berbangkit semasa Mesyuarat Prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara berhubung Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar pada 29 Januari 2024. Isu yang dibangkitkan adalah berkaitan kehilangan habitat asal berikutan perubahan guna tanah dan pencerobohan penempatan penduduk dan kawasan pertanian sehingga berpotensi mewujudkan konflik manusia-hidupan liar. Dalam hal ini pihak PERHILITAN sebagai agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan dalam konservasi habitat dan spesies fauna liar negara telah mengambil inisiatif untuk mewajibkan pematuhan kepada Wildlife Management Plan (WMP) bagi sebarang projek yang melibatkan habitat hidupan liar.

SYARAT PERWAKILAN KUASA			
Bil.	Syarat	Status	Way forward
1	PERHILITAN perlu membangunkan garis panduan (GP) WMP agar selari dengan keperluan EIA, termasuk dasar berkaitan pembangunan di kawasan berkepentingan biodiversiti dan aktiviti yang tidak bertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Laporan Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015	Sebanyak dua (2) Garis Panduan telah dihasilkan dan diterbitkan iaitu: a. <i>Guidance Document on Wildlife Study (WIS) for Environmental Impact Assessment (EIA)</i> b. <i>Guidance Document for Preparation &amp; Submission of Wildlife Management Plan (WMP) in Environmental Impact Assessment (EIA)</i>	Mendapatkan pertimbangan JAS untuk cadangan penerbitan bersama.





Pegawai-pegawai JAS dan PERHILITAN yang menghadiri mesyuarat

Sehubungan dengan itu, berdasarkan halatuju pihak PERHILITAN berhubung penemuan Auditan Khas Pengurusan Hutan Dan Impak Kepada Alam Sekitar berkaitan isu kesejahteraan sosial dan hidupan liar, JAS berbesar hati untuk melihat bagaimana penguatkuasaan bagi pematuhan kepada WMP ini dapat dilaksanakan di bawah perundangan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

JAS mengambil perhatian bahawa keperluan untuk penguatkuasaan terhadap langkah-langkah bagi mengawal impak negatif ke atas hidupan liar kesan daripada gangguan habitat hidupan liar ini perlu dilaksanakan kerana pembangunan negara yang semakin pesat.



Cenderahati daripada Ketua Pengarah PERHILITAN kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar



Perbincangan semasa mesyuarat

Susulan daripada mesyuarat ini, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk bekerjasama dalam membentuk satu Jawatankuasa Pasukan Petugas untuk meneliti semula syor dan isu yang berkaitan perwakilan kuasa ini bagi membolehkan penguatkuasaan terhadap WMP ini boleh dilaksanakan dengan teratur di bawah peruntukan undang-undang Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan juga pindaan Akta 716 di masa akan datang sebagai penyelesaian holistik.

## LAWATAN POST-NAIK TARAF PERPUSTAKAAN JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (JASWPL) OLEH BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK, IBU PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR



**16 FEBRUARI 2024, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN –** JASWPL telah menerima lawatan kerja oleh Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik JAS Ibu Pejabat, YBrs. Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon dan pegawai-pegawai kanan.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Encik Zulfadli bin Zakaria, B.C.K., MY-CISEC., CePEOEIA selaku Pengarah JASWPL dan disusuli dengan amanat daripada Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik JAS Ibu Pejabat kepada semua warga JASWPL.

Sesi taklimat mengenai Pengurusan Perpustakaan & Eksplorasi Perpustakaan Digital JAS telah disampaikan oleh Puan Zuraini binti Siam, Ketua Seksyen Penerbitan & Perpustakaan dan Puan Wan Na'ima binti Wan Nawang, Pustakawan.

JASWPL merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas lawatan kerja ini yang menunjukkan iltizam jitu oleh pihak pengurusan tertinggi JAS untuk memastikan hala tuju naik taraf perpustakaan ini bermanfaat kepada seluruh warga JAS dan orang awam.

Perpustakaan digital JASWPL terbuka khususnya kepada pihak industri, pelajar IPT, pelajar sekolah dan orang awam.



**LIBAT URUS PINDAAN AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 SIRI 1/2024**

**19 FEBRUARI 2024, PUTRAJAYA** - Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat telah mengadakan Sesi Libat Urus Pindaan Akta Kualiti Alam sekeliling 1974 Siri 1/2024. Sesi libat urus ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Sesi libat urus ini antara lain turut membincangkan RUU Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan) 2023 dan Garis panduan pengurusan kompaun di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Sesi libat urus ini juga telah dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Penguatkuasa, Tuan Haji Shafe'ee bin Yasin yang turut melibatkan wakil-wakil daripada setiap negeri. Pendekatan melalui sesi libat urus ini merupakan salah satu inisiatif dan komitmen berterusan Jabatan dalam usaha memperkasakan penyampaian perkhidmatan dan mendapatkan input menyeluruh daripada percambahan fikiran melalui sesi perbincangan yang dijalankan.



## LAWATAN TEKNIKAL KE PROJEK PERLOMBONGAN RARE EARTH ELEMENT (REE) DI MUKIM KENERING, DAERAH HULU PERAK, PERAK

**20 FEBRUARI 2024, KENERING** – Seksyen Penguatkuasaan EIA, Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar telah menganjurkan program lawatan teknikal ke tapak perlombongan ion-adsorption clay rare earth element (REE) yang pertama di Malaysia yang terletak di Mukim Kenering, Perak pada 20 Februari 2024 yang lalu.

Seramai 37 orang peserta telah hadir yang diketuai oleh Puan Rohimah binti Ayub, Pengarah Bahagian Penilaian bersama dengan delegasi JAS lain yang terdiri daripada Pengarah JAS Negeri Sembilan, Pengarah JAS Negeri Kedah, Pengarah JAS Negeri Perak, wakil-wakil dari JAS Negeri Johor, JAS Negeri Pahang dan JAS Negeri Kelantan.

Kegunaan unsur nadir bumi (Rare Earth Element, REE) sangat pelbagai dan meluas di dalam industri seperti elektronik, teknologi hijau, pertahanan, automotif, petroleum, dan sebagainya. Peningkatan permintaan terhadap REE di seluruh dunia terus berlaku disebabkan oleh peranannya yang penting dalam sektor-sektor tersebut.



Wakil daripada Jururunding menerangkan setiap proses di tapak projek



JAS bersama dengan Penggerak Projek di Pejabat Tapak

Salah satu industri yang mengalami perkembangan pesat dengan pemanfaatan unsur nadir bumi (Rare Earth Elements, REE) adalah industri kenderaan elektrik. Di Malaysia, komitmen terhadap perkembangan kenderaan elektrik tercermin melalui implementasi Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030 (Low Carbon Mobility Blueprint - LCMB). Pemerintah Malaysia telah menetapkan sasaran ambisius dalam industri kenderaan dengan tujuan mencapai 15 peratus daripada Total Industry Volume (TIV) menjadi kenderaan elektrik (xEV) menjelang tahun 2030. Selain itu, dengan diterapkannya Dasar Tenaga Negara 2022-2040, pemerintah Malaysia turut menetapkan matlamat strategis untuk mencapai penggunaan kereta elektrik sebanyak 38% menjelang tahun 2040.

Selaras dengan perkembangan tersebut, program peningkatan kapasiti dilaksanakan untuk melihat kaedah perlombongan secara in-situ leaching yang pertama di Malaysia yang telah beroperasi setelah mendapat kelulusan Laporan EIA pada 11 Mei 2022.

Objektif lawatan teknikal di tapak ini dijalankan adalah untuk memberikan pendedahan secara hands-on kepada pegawai JAS dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang perlombongan REE dan meneliti dengan lebih terperinci kaedah pemantauan kualiti alam sekitar yang dilaksanakan dalam peringkat pengoperasian projek. Selain daripada itu ianya juga dapat memberikan tambah nilai (added value) kepada pegawai penilai dalam memproses Laporan EIA yang berkaitan.

Diharapkan lawatan teknikal seperti ini dapat dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan lagi "capacity building" pegawai-pegawai JAS samaada di Bahagian Ibu Pejabat mahupun di JAS Negeri.



Pegawai-pegawai JAS yang hadir semasa lawatan teknikal dijalankan



Salah satu kawasan di tapak projek



Produk (carbonate lanthanide) yang dihasilkan daripada aktiviti perlombongan unsur nadi bumi



Pegawai-pegawai JAS yang hadir sepanjang lawatan teknikal

## LAWATAN PENANDA ARAS BAGI PEMANTAUAN DAN PEMATUHAN TERHADAP PERUNDANGAN DI BAWAH JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) BERSAMA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

**21 FEBRUARI 2024, PUTRAJAYA** – Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat telah menerima kunjungan dari delegasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Putrajaya yang mana ianya sebagai lawatan penanda aras bagi pemantauan dan pematuhan terhadap perundangan di bawah Jabatan Alam Sekitar (JAS) bersama KKM. Lawatan ini disertai seramai 11 kakitangan KKM dan diketuai oleh Timbalan Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Sektor Risiko Kesihatan Alam Sekitar, Puan Bariah binti Bakri.

Kehadiran delegasi ini telah disambut oleh Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik JAS, Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, dan pegawai – pegawai kanan JAS dari bahagian di Ibu Pejabat. Delegasi telah diberikan taklimat berkaitan penguatkuasaan oleh JAS berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh Encik Ahmad Saifful bin Salihin dari Bahagian Penguatkuasa JAS Ibu Pejabat dan taklimat berkaitan pemantauan air dan udara oleh Puan Mazlina binti Sulong dari Bahagian Udara JAS Ibu Pejabat. Selain itu, delegasi telah di bawa melawat ke *Environment Data Centre* (EDC) JAS Ibu Pejabat bagi menunjukkan teknologi yang digunakan dan memberi kefahaman berkaitan pemantauan berterusan oleh Jabatan berkaitan kualiti udara dan air di dalam negara ini.

JAS berharap lawatan dan perkongsian oleh Jabatan ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan kerjasama antara kementerian/ jabatan berkaitan tugas dan tanggungjawab bagi memastikan kualiti persekitaran dapat dipertahankan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa.



## **BENGGKEL MEMPERKASA ANALISA DATA GEOSPATIAL DALAM PENGURUSAN ALAM SEKITAR & MAJLIS APRESIASI GEOSPATIAL 2024**

**20-22 FEBRUARI 2024, PORT DICKSON** - Seksyen Geospasial, Bahagian Teknologi Maklumat, JAS Putrajaya telah berjaya menganjurkan Bengkel Memperkasa Analisa Data Geospasial dalam Pengurusan Alam Sekitar & Majlis Apresiasi Geospasial Tahun 2024 di Hotel Avillion, Port Dickson. Bengkel berkenaan diadakan bersekali dengan Mesyuarat Penyelaras Geospasial bagi tahun 2024 bagi membincangkan isu-isu berkaitan geospasial di semua JAS Negeri dan Bahagian (JAS Putrajaya) termasuk penetapan KPI tahun 2024. Mesyuarat dipengerusikan oleh Puan Mukhtaroh Osman, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat. Bengkel ini juga turut diisi dengan perkongsian daripada pihak Pusat Geospasial Negara (PGN) dan ESRI Malaysia.

Majlis Apresiasi Geospasial juga telah diadakan sebagai salah satu acara kemuncak yang telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YBrs. Puan Hajah Mashitah binti Darus. Majlis ini bertujuan memberi pengiktirafan atas sumbangan dan komitmen pegawai JAS dalam menghasilkan aplikasi GIS. Dalam program ini turut memperkenalkan Anugerah Penyelaras Terbaik yang julung kali diadakan oleh Jabatan Alam Sekitar. Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan dan penghormatan tertinggi daripada Jabatan Alam Sekitar Malaysia kepada penyelaras GIS yang telah menunjukkan kesungguhan dalam mengemukakan laporan tugas dan maklumat berkaitan. Selain itu pegawai telah memberikan komitmen yang tinggi dalam penghasilan aplikasi-aplikasi geospasial.

Tiga kategori anugerah yang telah diberikan iaitu:-

- i. Penyelaras GIS Terbaik : PJ Ahmad Shayuti  
JAS Labuan
- ii. *Story Map* Terbaik : JAS Sarawak
- iii. Dashboard Terbaik : JAS Pahang



Tahniah kepada semua pemenang dan semua yang terlibat dalam menjayakan program ini. Jabatan ini akan sentiasa mempertingkatkan kemahiran dan penggunaan data-data serta teknologi-teknologi geospasial di dalam membantu semua pegawai JAS menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.



## **BENGGKEL RMK-12: PENGGUBALAN PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (AKTIVITI YANG DITETAPKAN) (LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 20XX**

**21-23 FEBRUARI 2024, SHAH ALAM** – Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat telah mengadakan Bengkel Penggubalan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 20xx dari 21 Februari hingga 23 Februari 2024 di Geno Hotel, Shah Alam.

Rumusan daripada bengkel ini, banyak isu-isu yang dibangkitkan dan dibincangkan berkaitan prosedur penilaian Laporan EIA dan penguatkuasaan syarat kelulusan Laporan EIA dan cadangan solusi untuk penggubalan Peraturan EIA. Ucapan penutup kepada bengkel tersebut telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Mashitah binti Darus, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat.

